




PESONA SUARA PANG CHINN FEI

Oleh Rosli Mohd Nordin

Sebutan yang tepat dan tidak kedengaran pelat atau telor daripada wanita jelita yang berusia 43 tahun ini ketika setiap kali muncul membaca berita di kaca televisyen pasti membuat penonton terlupa akan figura ini berbangsa Cina. Selain kelunakan suara, penampilan yang penuh karisma dan sikap sopan santun yang dimiliki anak kelahiran Kuala Lumpur ini ternyata membuat penulis begitu kagum dengan personalitinya. Sementara pernah bekerjasama dalam lapangan pemberitaan membuat penulis terpanggil untuk mengetengahkan Pang Chinn Fei atau lebih mesra dengan panggilan Fei, pada kali ini.

“Ketika zaman kanak-kanak, saya langsung tidak pernah terfikir akan bekerja sebagai wartawan penyiaran dan penyampai berita. Mungkin sudah tertulis rezeki saya dalam bidang ini yang memberi saya pelbagai pengalaman yang amat berharga,” ujar Fei ketika memulakan bicara.


Fei pernah bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Salak South, Kuala Lumpur. Fei dan abangnya ke sekolah kebangsaan kerana ayahnya mahu mereka menguasai bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) dan bahasa Inggeris dengan baik. Hal ini demikian kerana ayah dan ibunya tidak berpeluang untuk belajar di sekolah kebangsaan.



Bakat Fei dalam dunia penyiaran khususnya kewartawanan terserlah sejak belajar di UKM lagi.

Kemudian, Fei menyambung alam persekolahan peringkat menengahnya di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Sebagai pelajar yang fokus dalam bidang akademik, Fei sentiasa mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tahunan, khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

“Di sekolah itu, saya aktif menyertai pelbagai aktiviti yang melibatkan bahasa Melayu seperti pertandingan menulis esei, puisi dan pantun. Saya juga dapat mengenali ramai rakan daripada pelbagai kaum dan bertemu dengan guru yang berdedikasi. Hal itu satu bonus kepada saya kerana banyak mempengaruhi personaliti dan keterampilan diri saya. Walau bagaimanapun, saya tidak aktif dalam aktiviti sukan. Usai mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia, saya mengambil keputusan untuk menyambung pengajian di tingkatan enam di SMK Methodist (L),” cerita Fei yang suka membaca buku cerita dan majalah berbahasa Melayu.



Fei dan rakan media, Rosli (RTM) dan Zainuri Misfar (Berita Harian), bergambar bersama-sama selepas memenangi anugerah kategori masing-masing bersempena dengan Hadiah Kewartawanan Malaysia 2006.



Fei (berdiri di belakang paling kiri) bersama-sama rakan yang menyertai Kelab Bimbingan dan Rakan Sebaya di SMK Convent Bukit Nanas pada tahun 1994.



Fei bersama dengan rakan sekelas ketika di SK Salak South.

Menyedari akan hasrat ayah dan ibunya itu, Fei mula menunjukkan minat yang amat jitu dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan menyertai pelbagai aktiviti anjuran sekolah seperti membaca puisi, mengadakan persembahan pentas dan menyertai program berbalas pantun.

“Uniknya SK Salak South ini ialah komposisi pelajar yang berbangsa Melayu, Cina dan India lebih kurang sama. Oleh itu, cara kami berkomunikasi lebih terarah kepada penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Secara tidak langsung, kami menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana menjadi medium perbualan harian kami. Ketika perhimpunan mingguan pada setiap hari Isnin, saya dan beberapa orang rakan, khususnya yang bukan Melayu akan membuat persembahan masing-masing seperti membaca sajak dan berpantun dalam bahasa kebangsaan,” terang Fei yang amat menyukai warna merah jambu dan biru muda.

Ketika ditanya mengenai elemen utama yang menyebabkan beliau menguasai bahasa Melayu dengan baik, Fei menegaskan bahawa majalah *Dewan Siswa (DS)* dan *Dewan Masyarakat* banyak membantunya menguasai bahasa kebangsaan, khususnya dalam aspek tatabahasa dan kosa kata, selain didikan guru Bahasa Malaysia sejak di sekolah rendah dan menengah serta galakan daripada ibu bapanya.

“Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah menguasai bahasa kebangsaan yang merupakan satu kewajipan kerana dapat memperlihatkan semangat patriotisme dan cinta akan tanah air. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang indah, kaya dengan elemen jati diri dan perlambangan

seni serta budaya. Oleh itu, usaha untuk memartabatkan bahasa ini tidak hanya dipikul oleh kerajaan dan organisasi yang berkaitan semata-mata tetapi sebagai rakyat Malaysia, kita wajar sama-sama berusaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagaimana negara jiran kita memartabatkan bahasa Indonesia,” jelas Fei lagi.

Kecemerlangan Fei dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM) membolehkannya melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam jurusan Komunikasi (Penyiaran dan Linguistik).

“Keputusan untuk meneruskan pengajian di tingkatan enam sangat tepat kerana bersandarkan keputusan STPM itu saya berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang yang diminati. Ketika di UKM, saya perlu tangkas mempelajari bidang penyiaran yang memerlukan kami mendalaminya dan mahir dengan setiap aspek bidang penyiaran,” jelas Fei yang pada asalnya bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik.

Bukan sekadar tugas bertulis semata-mata, Fei perlu memahirkannya dari aspek teknikal seperti merancang dan membuat penggambaran serta melakukan kerja suntingan. Kerja suntingan pula memerlukan waktu durasi yang agak panjang sehingga dilakukan berhari-hari dan ada yang sehingga lewat malam. Keterbatasan peralatan yang ada dan dikongsi dengan pelajar lain menyebabkan Fei perlu cekap menggunakan setiap ruang dan waktu menggunakan peralatan yang disediakan oleh pihak fakulti.

Kehebatan Fei dalam berkomunikasi dan cekap mengendalikan tugas yang

diberikan oleh para pensyarah di fakulti itu melayakkan beliau mendapat Anugerah Dekan pada setiap semester. Pencapaian yang konsisten pada setiap semester juga membolehkan Fei dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Jurusan Komunikasi bagi tahun 2000 ketika tamat pengajian di UKM.

Menyentuh tentang kerjaya Fei sebagai wartawan penyiaran dan pembaca berita di TV3 (Sistem Televisyen Malaysia), yang kini dikenali sebagai Media Prima, beliau menegaskan bahawa bukan mudah untuknya menempatkan diri di organisasi TV swasta pertama di Malaysia itu.

“Selepas tamat pengajian di UKM, saya memohon kerja di TV3. Setelah ditemuduga dan mengambil pelbagai jenis ujian bertulis dan praktikal, saya diterima bekerja sebagai wartawan penyiaran di Jabatan Berita TV3 pada tahun 2000. Ketika kali pertama membuat liputan berita, saya masih lagi tidak yakin akan kemampuan saya. Namun begitu, bak kata pepatah Melayu, “Alah Bisa, Tegal Biasa”, begitulah prinsip kerja yang saya amalkan.

Pada setiap hari, beliau ditugaskan untuk membuat liputan berita yang pelbagai. Sebagai contohnya, pada hari ini beliau membuat liputan isu semasa yang melibatkan kenyataan media oleh perdana menteri dan esoknya beliau perlu membuat laporan berita tentang pencemaran sungai. Lusa pula beliau berada di Parlimen bagi membuat liputan sesi pembentangan Dewan Rakyat. Begitulah rutin harian dan kerjanya. Sebagai wartawan penyiaran, beliau perlu cekap menghidu nilai berita dan pada masa yang sama juga perlu memahami perkembangan semasa yang berlaku di dalam dan di luar negara.



Fei bersama-sama ibu, bapa dan abang.



Fei (kanan) bersama dengan rakan sekuliah di UKM.



Selain berbakat sebagai penyampai berita, Fei juga berbakat dalam mengacara program bual bicara.



Kehebatan Fei menyampaikan laporan berita khususnya penampilannya untuk “*stand upper*” menyebabkan pihak pengurusan TV3 menawarkan beliau untuk mencuba bakat sebagai penyampai berita pada tahun 2005.

“Ibarat orang mengantuk disorongkan bantal, begitulah yang boleh saya ungkapkan apabila menerima tawaran bagi mencuba bakat sebagai penyampai berita. Setelah menjalani pelbagai sesi latihan, saya akhirnya berjaya muncul buat pertama kalinya di kaca televisyen sebagai penyampai berita,” cerita Fei tentang kerjayanya.

“Tugasan pemberitaan amat mencabar kerana jadual kerja yang tidak tentu masanya. Kadangkala perlu keluar awal pagi dan bekerja

sehingga tengah malam. Saya masih ingat ketika mula-mula menceburi bidang penyiaran, saya diberikan tiga tugas dalam satu hari dan perlu menyiapkannya pada waktu yang ditetapkan. Sebagai wartawan penyiaran juga, saya dapat bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat.”

“Saya sangat gembira apabila para penonton merakamkan penghargaan terhadap perkara yang kami laporkan khususnya isu semasa seperti menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat bawahan. Kerjaya ini juga tidak terlepas daripada pelbagai sisi negatif yang dilemparkan oleh pihak tertentu. Saya pernah dicemuh dan dicaci, malah dihalau daripada membuat liputan pilihan raya kecil,” kata Fei yang merupakan seorang vegetarianisme dan gemar menikmati

minuman susu dan air buah.

Menjadikan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai idolanya ternyata banyak mempengaruhi cara Fei berfikir.

“Tun Dr. Mahathir bukan sahaja seorang pemimpin yang berkharisma, malah mempunyai pemikiran yang tajam dan memori yang sangat baik walaupun telah berusia 95 tahun. Beliau masih boleh berucap selama berjam-jam tanpa menggunakan skrip,” ujar Fei.

Mengakhiri temu ramah bersama-sama DS, ini pesan Fei kepada para remaja untuk maju dalam lapangan yang dipilih.

“Setiap individu mempunyai latar kehidupan yang berbeza. Oleh itu, untuk berjaya bukanlah mudah. Para remaja dan belia perlu cekal dan tabah dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan. Jangan mudah berputus asa, berdisiplin, pilih kerjaya yang diminati dan banyakkannya membuat amal kebajikan dan berdoa untuk kejayaan.

“Berprinsip, jujur, ikhlas dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan sedaya yang mungkin kepada insan yang memerlukan tanpa mengharapkan balasan. Jangan lupa untuk sentiasa berdoa kepada Yang Maha Esa agar kehidupan mempunyai arah tuju yang jelas,” kata Fei, ibu kepada empat orang anak sebelum mengakhiri perbualan. ds

